

**TEKS UCAPAN SETIAUSAHA PERSEKUTUAN
SARAWAK SEMPENA PERHIMPUNAN
BULANAN DI IPG KAMPUS BATU LINTANG,
KUCHING.**

Bismillahirrahmanirahim.

Asalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh, salam sejahtera dan Salam Satu Malaysia.

Saudara/Saudari Pengacara Majlis yang dimuliakan,

Yang Berbahagia, Datu Dr. Haji Julaihi bin Haji Bujang,
Pengarah Pelajaran Negeri Sarawak,

Yang Berusaha, Encik Abdillah bin Adam, Pengarah
Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Batu
Lintang,

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi Persekutuan serta Badan Berkanun,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati dan dikasihi sekalian.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmatNya dapat kita sekali lagi berada dalam perhimpunan **Bulanan ketua-ketua jabatan dan agensi persekutuan Negeri Sarawak Kali Pertama bagi Tahun 2010** pada pagi ini. Kita semua bersyukur kerana dapat bertemu secara langsung di kalangan penjawat-penjawat awam persekutuan dalam majlis yang penuh bermakna ini supaya silatullahim dan semangat perjuangan yang terjalin di antara kita terus kukuh dan bertambah kuat demi menjalankan tugas kita.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Abdillah Adam, Pengarah Institut Perguruan Batu Lintang, pegawai dan kakitanganya khususnya dan Jabatan Pelajaran negeri Sarawak amnya yang memberikan kerjasama untuk menjayakan perhimpunan kita pada pagi ini.

Tahun 2009 telah berlalu dengan begitu pantas bagaikan tidak terasa bahawa di antara kita termasuk saya telah berkhidmat di Sarawak selama 1 tahun. Kepada rakan-rakan yang telah meninggalkan Sarawak kerana dinaikkan pangkat atau bertukar tempat kerja kita doakan mereka semua terus diberi perlindungan dan kejayaan di masa-masa akan datang tidak kira di mana jua mereka bertugas. Alhamdulillah , marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana kita sekali lagi berpeluang untuk

menyambut ketibaan tahun baru dalam suasana Negara yang aman damai. Adalah masih tidak terlalu lewat untuk saya mengucapkan selamat tahun baru 2010 kepada Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Apabila kita sudah bertapak pada tahun 2010, elok juga kita mengimbas kembali tempoh 2009 yang telah ditinggalkan dalam suasana kita merancang apa yang perlu kita capai dan hadapi di masa hadapan yang akan kita rentasi kelak. Ini bermakna sewajarnya kita menilai dan mengambil iktibar perkara-perkara yang baik yang tercapai dan mencari jalan pula bagaimana untuk mengatasi apa jua bentuk kegagalan yang lalu. Itulah di antara ingatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada kita dalam ucapan sempena tahun baru tahun 2010.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati

Sepertimana kita maklum, tahun 2009 merupakan detik waktu yang diselubungi oleh cabaran cukup luar biasa. Kita menghadapi krisis pemanasan global yang telah mengancam kelestarian dan kesejahteraan planet ini. Tidak ketinggalan, kita juga terpaksa menongkah krisis kewangan sejagat yang julung kali seumpamanya melanda di luar jangka dan skala yang luas sehingga menimbulkan pelbagai masalah sosial serta ekonomi di setiap penjuru dunia.

Walau apapun dugaan dan rintangan, dengan izin-Nya jua, kita berupaya melalui semua itu bukan dengan duduk bersimpuh, akan tetapi, tegak berdiri, bertindak, membuat keputusan-keputusan yang sukar sekaligus melaksanakan pelbagai dasar secara berhemah. Ini

semua, tidak lain dan tidak bukan demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat Malaysia. Di sinilah peranan yang harus dimainkan oleh semua jabatan, agensi kerajaan dan badan-badan berkanun bagi memastikan daya usaha kerajaan ini sama-sama kita galas.

Di sudut ekonomi, kita masih belum pulih sepenuhnya daripada kemelesetan, namun, petanda-petanda memperlihatkan bahawa Malaysia sedang bergerak keluar dari kemuraman kegawatan ekonomi dan mencatatkan pertumbuhan KDNK positif bermula suku keempat tahun 2009.

Tambahan pula, rekod dan catatan lalu memberi keyakinan bahawa Malaysia bukan sahaja akan kembali pulih dari kemelut yang dialami, malah berpotensi muncul sebagai ekonomi yang lebih kuat dan makmur pasca krisis yang didepani.

Walaupun negara kita diramal akan menikmati sedikit pertumbuhan ekonomi yang positif pada tahun 2010 namun senario ekonomi global masih tidak menentu dan akan terus menghantui dan mencengkam ekonomi semua negara di dunia. Akibatnya ini memberi tempas kepada pentadbiran kita di peringkat jabatan dan agensi kerajaan khususnya dari segi peruntukan yang disediakan serta perbelanjaan yang akan dilaksanakan.

Rata-rata jabatan dan agensi kerajaan terpaksa menerima hakikat bahawa bagi tahun 2010 kerajaan telah mengambil langkah drastik dengan mengurangkan peruntukan untuk perbelanjaan mengurus dan juga pembangunan jika dibandingkan dengan tahun-tahun sebelum ini.

Justeru, semua Jabatan dan agensi kerajaan adalah disarankan untuk mengambil langkah-langkah penjimatan yang sewajarnya agar dapat mengelakkan pembaziran serta mengurangkan perbelanjaan yang sedia ada. Ketua-ketua Jabatan sewajarnya memainkan peranan yang lebih bijak menguruskan peruntukan yang diperolehi. Hentikan rungutan bajet tidak mencukupi, gunakanlah kebijaksanaan masing-masing untuk mengagihkan peruntukan yang diperolehi mengikut keutamaan.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk dan Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Kesan darurat ekonomi global yang melanda menyebabkan kesegeraan utama Kerajaan adalah untuk mengembalikan negara ke landasan pertumbuhan ekonomi yang optimum. Ini telahpun kerajaan lakukan

melalui pengambilan langkah-langkah konkrit seperti suntikan pakej stimulus berjumlah RM67 bilion, pembentangan bajet tambahan, liberalisasi sektor terpilih, mencipta pekerjaan, menyediakan perumahan yang selesa, menambahbaik khidmat pengangkutan awam dan penstrukturan semula subsidi.

Hasilnya nanti, kita berharap agar Malaysia bangkit lebih ampuh dengan pertumbuhan positif dalam tahun 2010 dan pengurangan kadar defisit fiskal kerajaan dari 7.4 peratus kepada 5.6 peratus. Sungguhpun begitu, matlamat jangka panjang negara bukan semata-mata untuk pulih dari krisis tetapi yang lebih penting mengambil peluang ini untuk meletakkan asas-asas kukuh bagi kemakmuran masa depan negara dengan pembaharuan yang berterusan.

Pokok pangkalnya, adalah menjadi suatu imperatif

kepada kemakmuran masa depan untuk Malaysia meningkat dalam rangkaian nilai ekonomi global. Dalam kata lain, kita tidak mampu berterusan menjadi pusat pelaburan untuk industri pembuatan berteknologi rendah dan bertubikan buruh dengan kemahiran minimum. Merintis jalan ke hadapan bererti mewujudkan ekonomi yang berteraskan pengetahuan yang digerakkan oleh daya kreativiti, inovasi serta nilai tambah yang tinggi.

Justeru, dalam tahun 2010 kerajaan akan membentangkan dua inisiatif penting. Pertamanya, inisiatif jangka panjang melalui satu model baru ekonomi yang akan menjadi panduan halatuju pembangunan negara menuju 2020 serta tahun-tahun berikutnya. Keduanya pula, satu inisiatif yang bersifat jangka pendek dan sederhana dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Sememangnya, kejayaan kedua-dua inisiatif ini memerlukan peranan proaktif setiap rakyat Malaysia terutamanya kita dalam perkhidmatan awam. Adalah benar, dalam mendepani saat-saat sukar cabaran ekonomi, kita telah bersama meraih kejayaan bukanlah secara kebetulan bahkan dengan membuat pilihan yang bijaksana.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Perkhidmatan awam sering dilabelkan sebagai tidak peka pada perubahan atau *complacent to change* kerana mereka tidak menghadapi pertandingan. Tetapi anggapan seperti ini sebenarnya sudah tidak relevan lagi. Hari ini, kalau kita tidak berubah mengikut perubahan profil dan kehendak pelanggan, negara kita

akan mendapat padahnya, persaingan pasaran produk-produk negara akan terjejas dan tidak lagi kompetitif.

Cabaran besar dalam perkhidmatan awam pada hari ini adalah untuk memberi maklum balas dengan cepat, cekap dan berkesan kepada pelanggan (*responding effectively*). *The operative word here is RESPONDING, NOT ACKNOWLEDGEMENT.* Kita tidak boleh lagi menggunakan jawapan-jawapan seperti “Akan dikaji”, atau “dalam kajian”, “kami masih semak” atau “kami masih menunggu keputusan”. Rakyat pada masa ini terdiri dari pelbagai latarbelakang kerjaya, berpelajaran dan berpengatahuan tinggi dan tidak wajar sekiranya masa mereka terbuang begitu sahaja disebabkan kelemahan kita. Segalanya hendaklah dilakukan dengan pantas, cepat, tepat dan berkualiti.

Dengan kemajuan teknologi dan kepantasan informasi, jawapan-jawapan mestilah serta-merta atau *instantaneous*. *We must serve them NOW*. Untuk membolehkan perkhidmatan yang serta-merta atau perkhidmatan dengan segera, seseorang penjawat awam mesti mempunyai kebijaksanaan dan kebolehan untuk menjangkakan reaksi kepada setiap tindakan yang akan diambil dan bersikap proaktif.

Di dalam isu aduan awam pula, pengadu mengharapkan maklum balas awal yang segera ke atas aduan yang mereka kemukakan. Ini bukanlah bermakna setiap aduan mesti diselesaikan dalam tempoh satu jam atau 1 hari, 3 hari atau 14 hari, kerana pastinya ia turut bergantung kepada tahap *complexity* sesuatu tugas itu dan jenis tindakan atau kerja-kerja yang terlibat bagi menangani sesuatu aduan. Dalam menyelesaikan sesuatu aduan itu apa yang penting ialah penjelasan

berhubung tindakan-tindakan yang sedang diambil ke atas sesuatu aduan hendaklah dimaklumkan kepada pengadu sehinggalah ianya selesai dalam tempoh yang paling singkat. Yang penting dalam hal ini, unsur-unsur kebolehpercayaan dan ketelusan hendaklah dijadikan asas kepada perhubungan kita dengan pelanggan. Malah adalah lebih bermakna sekiranya maklum balas yang diberikan diiringi dengan sikap terbuka, memudahcara, penuh kemesraan (enlightening as well as delighting the customer) serta berfokuskan kepada pelanggan kita.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Kecepatan dalam membuat keputusan perlu seiring dengan kecepatan dalam melaksanakan tindakan. Oleh itu, keputusan yang cepat tidak akan memberikan apa-apa makna jika tidak disului dengan kepantasan

melaksanakan tindakan. Contoh yang baik dalam membuat tindakan yang cepat adalah dalam pelaksanaan dan pengwujudan Klinik 1 Malaysia . Keputusan dibuat dengan cepat tanpa melibatkan kos yang tinggi, tetapi ianya telah memberikan impak yang tinggi keatas menjana perasaan muhibbah dikalangan rakyat jelata.

Perlu ditegaskan disini bahawa kecepatan bertindak bukan sahaja terpakai dalam pelaksanaan projek atau inisiatif tetapi ianya juga meliputi perkara-perkara yang kecil yang biasa seperti menjawab telefon, emel dan sebagainya. Dalam hal ini, pegawai-pegawai tinggi seperti Yang Berbahagia Datuk-datuk, datu-datu, datin-datin dan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini hendaklah menunjukkan contoh-contoh yang terbaik untuk pegawai dan kakitangan lain di pelbagai peringkat.

Seperkara lagi yang dapat membantu dalam mempercepat keputusan dan pelaksanaan urusan-urusan kerajaan adalah dengan *empowerment* iaitu menurunkan kuasa kepada pegawai-pegawai tertentu di jabatan atau agensi. Melalui kaedah tersebut, urusan-urusan kerajaan boleh dilaksanakan dengan segera tanpa menunggu kelulusan daripada ketua.

Selain daripada itu, pegawai-pegawai perlu mematuhi peraturan supaya melaksanakan arahan-arahan Kerajaan terutamanya yang telah diputuskan oleh jemaah menteri dengan segera. Jika didapati bahawa sesuatu peraturan itu perlu dikaji semula, jabatan kerajaan atau agensi perlu melaksanakan dengan mengambilkira pandangan agensi lain atau merujuk semula kepada mereka yang bertanggungjawab atau membuat keputusan.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk dan Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Kejayaan sebuah kerajaan dan kakitangan kerajaan ialah apabila setiap urusan atau perkhidmatan dapat disampaikan dengan menepati kehendak dan citarasa pelanggan sehingga kemakmuran rakyat dapat dipenuhi dan terus meningkat. Pelanggan kita hari ini adalah bukan sahaja *the men on the street* tapi dari pelbagai peringkat masyarakat dan juga terdiri daripada mereka yang berpelajaran dan berpedidikan tinggi.

Kita menjangka sesebuah organisasi, satu negara atau urusan akan berkembang dan bertambah maju apabila mereka mengambil berat tentang kehendak rakyat di samping menyediakan pelan tindakan penambahbaikan kepada factor-faktor yang mempengaruhi pembangunan negara secara umumnya. Selain daripada itu, teguran

dan kritikan yang mungkin menyakitkan hati penerima tetapi jika diterima dengan sikap positif dan menganggapnya sebagai maklumbalas pelanggan yang amat berguna dan diambil tindakan ke atas kritikan dengan ikhlas ia akan menjadikan sebuah organisasi itu lebih kuat dan akan lebih dihormati.

Demi mengekalkan daya persaingan di pelbagai peringkat dalam semua aktiviti, Kerajaan bersama dengan kakitangan kerajaan perlu mengambil inisiatif melalui langkah-langkah seperti berikut:

- Membantu melaksanakan Fokus utama Kerajaan (Central Theme) pada tahun 2010 ini iaitu supaya dapat mempercepatkan semua tindakan dan mempertingkatkan kecekapan dalam tadbir urus Kerajaan dengan mengambil kira semua aspek termasuk pencapaian Bidang keberhasilan Utama Nasional (National Key Results Areas-NKRA).

- Melaksanakan usaha untuk mempercepat proses membuat keputusan (making decision in an expeditious manner) sama ada mengenai dasar, pemberian sesuatu kelulusan yang melibatkan rakyat. Menyelesaikan masalah dan sebagainya. Dalam hal ini, jika sesuatu keputusan ini boleh di buat dalam masa yang singkat, ia hendaklah dipercepatkan dan tidak dilengahkan dengan tidak mengabaikan maklumat dan fakta-fakta yang perlu diambil kira bagi memastikan keputusan yang dibuat adalah tepat: dan
- Mengkaji semula semua yang berkaitan dalam urusan masing-masing (termasuk isu-isu birokrasi) untuk mempercepat dan mempermudah proses membuat keputusan dengan menoptimumkan prinsip *Value for money*.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang kaum. Kita juga terbahagi dan dijarak kerana kelainan bahasa, agama dan budaya. Malah, pihak penjajah penuh sinis meramalkan bahawa negara ini tidak mungkin stabil dan tidak mungkin mencapai matlamatnya. Sebaliknya, para pendahulu kita telah merumus formula perpaduan yang bitara lagi berkesan sehingga meletakkan kita di tempatnya pada hari ini.

Semua kaum di Malaysia dapat hidup dalam keadaan aman sejahtera kerana pemimpin-pemimpin kaum yang berjuang untuk kemerdekaan dan menggubal dasar asas negara adalah orang bersifat sederhana serta tulus ingin melihat semua pihak mendapat tempat sewajarnya

dalam negara bertuah ini. Mereka amat rasional dalam membuat keputusan. Mereka juga menolak tekanan daripada pihak yang keterlaluan dan memilih untuk melayan hak semua kaum secara adil.

Dari itu, pada hemah kita kemajmukan dan kepelbagaian yang diwarisi dan wujud di negara ini adalah satu nikmat dan satu rahmat. Lantaran, seawal pelantikan selaku Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat meneruskan gagasan besar para pendahulu dengan prakarsa konsep 1Malaysia yang diutamakan dalam pentadbiran kerajaan sekarang.

Kini, tampaknya laungan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" telah berkumandang di sana sini. Walaupun ada pihak yang cuba memesong dan mengelirukan inisiatif murni ini, kita yakin dan percaya majoriti rakyat Malaysia mula memahami falsafah yang

melatari konsep 1Malaysia. Kekuatan kita terbina di atas nama meraikan perbezaan dan kemajmukan tidak kira tua, muda, Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban ataupun etnik lain. Semuanya, sejak dulu, kini dan selamanya akan hidup rukun sebagai 1Malaysia. Untuk memastikan matlamat ini terlaksana maka peranan kerajaan haruslah ditransformasi dari penyedia mutlak kepada pemudahcara terbaik.

Mahu tidak mahu, masa depan Malaysia yang lebih cemerlang terletak kepada penggabungan serta pemupukan idea, bakat, inisiatif dan semangat seluruh rakyat Malaysia tanpa mengenal batas dan latar belakangnya. Sumbangan setiap rakyat Malaysia adalah mustahak bagi menentukan kejayaan. Tidak ada rakyat Malaysia yang tidak penting atau terpinggir. Kerajaan mengalu-alukan setiap bakat yang ada. Alangkah ruginya jika bakat yang terbentuk di bawah langit

Malaysia diambil faedah untuk memakmurkan negara lain.

Yang Berbahagia Datuk-datuk, Datin-datin, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Pada 28 Januari 2010 yang lalu, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak telah melancarkan pelaksanaan Model Ekonomi Baru dan pencapaian hasil Program Transformasi Kerajaan (GTP). Ini adalah bertujuan untuk menangani isu-isu seperti perhijrahan keluar tenaga pakar, modal dan penyertaan positif dari semua kaum. Pelan ini juga menekankan pentingnya menggalakkan integrasi menerusi inklusif dalam mengurus polariti antara asimilasi dan pemisahan dalam masyarakat pelbagai etnik di Malaysia.

Pelan dalam GTP telah menyebut pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru(DEB) telah mendorong kepada ‘beberapa hasil yang tidak diinginkan’, antaranya rasa kehilangan hak, diskriminasi dan malah rasa geram yang dirasakan oleh bukan Bumiputera, yang disebabkan oleh sikap sesetengah pegawai di agensi-agensi tertentu. Terdapat juga jurang pendapatan di kalangan masyarakat Bumiputera, menyebabkan rasa tidak puas hati semakin meningkat di kalangan segmen tertentu dalam masyarakat.

Jadinya, bagi memastikan arah tuju tentang apakah yang ingin dicapai, kerajaan telah menggubal enam bidang keberhasilan utama dalam(NKRA) dalam GTP yang meliputi mengurangkan kadar jenayah, memerangi rasuah, meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan, meningkatkan taraf hidup rakyat yang berpendapatan rendah, memperkasa prasarana luar

bandar dan pedalaman serta menambahbaik pengangkutan awam dalam jangka masa sederhana. Ini semua, adalah satu pernyataan hasrat kebertanggungjawaban kerajaan dan di bawah setiap matlamat NKRA dibentuk pula indeks-indeks pencapaian utama atau KPI agar rakyat dapat mengukur sejauh mana keberkesanannya.

Di sini saya ingin menyatakan bahawa NKRA dan KPI yang ada bukanlah sesuatu yang "exhaustive" atau sudah lengkap. Oleh itu kita amat mengalu-alukan sumbangan idea dan pendapat dan pandangan dari setiap peringkat rakyat. Kita yakin bahawa dengan wujudnya sintesis di antara kerajaan dan rakyat, kita akan mendapat idea-idea yang tersaring untuk menambahbaik apa yang ada.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk dan Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

Kita amat percaya bahwa kunci kepada kejayaan masa depan bukanlah semata-mata kekayaan sumber alam akan tetapi yang lebih utama adalah modal insan yang berilmu dihiasi semangat keusahawanan waja dalam menjana kekayaan baru untuk tanahair. Di sinilah kita melihat betapa pentingnya peranan yang harus dimainkan oleh institusi pendidikan seperti sekolah, institut pendidikan guru dan Institut Pengajian Tinggi bagi melahirkan modal insan yang berketerampilan.

Peranan institusi pendidikan untuk melahirkan graduan-graduan yang berketrampilan berinovasi tinggi dan kreatif terletak di bahu guru-guru kita yang dedikasi, komitted melaksanakan tugas dengan ikhlas. Gurulah Pembina negara bangsa. kecemerlangan anak-anak sekolah pelajar-pelajar hari ini menunjukkan kecemerlangan 'work force' kita pada masa akan datang

kerana dalam tempoh 5 atau 10 tahun lagi pelajar-pelajar ini akan menjadi pekerja-pekerja mahu pun di sektor awam atau sektor swasta.

Peranan guru-guru untuk mengilapkan bakat semulajadi pelajar, membentuk akhlak atau watak, mendidik mereka begitu besar dalam pembangunan sesebuah negara. Justeru pendidik adalah salah satu pekerjaan yang mulia dan akan menjadikan di antara tiga amalan yang tinggal sesudah kita tiada lagi di dunia ini kelak. Mereka memainkan peranan yang besar dalam pembinaan sesebuah negara. Malah di mana kita pada hari ini juga sedikit sebanyak ditentukan oleh guru-guru kita.

Ini tidak bermakna tanggungjawab untuk mendidik pelajar-pelajar sekolah terletak di bahu guru-guru sahaja, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting untuk mendidik anak-anak kita. Di sini, kita bukan sahaja

berperanan sebagai penjawat awam juga merupakan ibu bapa. Sama-samalah kita bergading bahu dengan guru-guru untuk mendidik anak-anak, pelajar-pelajar untuk menjadikan mereka cemerlang dalam semua aspek terutamanya dari segi akademik, akhlak dan sosial.

Baru-baru ini Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Setiausaha Negara ada menekankan pentingnya membina dan focus kepada sifat atau kelakuan yang baik dalam institusi pengajian tinggi. Ini kerana sifat atau kelakuan yang baik merupakan intipati dalam membuat perkara yang betul setiap masa. Justeru KPI dan KRA pendidikan yang berasaskan kepada pembentukan atau pembinaan sifat dan kelakuan yang baik perlulah diberi tumpuan oleh guru-guru dalam mendidikan pelajar-pelajar mereka supaya mereka boleh membuat perkara yang betul setiap masa.

Dalam intipati pelan hala tuju Program Transformasi Kerajaan (GTP) ke arah memangkin Wawasan 2020 melalui 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Kerajaan telah merancang untuk menaiktaraf kualiti sekolah kebangsaan supaya menjadi sekolah pilihan kepada semua pelajar dengan peruntukan kepada bahasa ibunda komuniti masing-masing menjadi antara langkah menangani sector pendidikan dan perpaduan Negara di bawah 1Malaysia.

Selain itu, untuk memperbaiki pencapaian pendidikan, pelan hala tuju GTP juga merangkumi :

- Meningkatkan kadar penyertaan murid prasekolah daripada 67 peratus kepada 72 peratus tahun ini dengan membabitkan kanak-kanak seawall umur empat dan lima tahun;
- Meningkatkan kadar literasi daripada 87 peratus kepada 90 peratus serta meningkatkan kadar

numerasi daripada 76 peratus kepada 90 peratus bagi tahun 1, tahun ini menerusi program Literasi dan Numerasi(LINUS)

- Mensasarkan sebanyak 20 buah sekolah menjadi Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) pada tahun ini
- Mensasarkan sebanyak dua peratus Pengetua dan Guru Besar yang melepasi sasaran layak untuk menerima ganjaran berdasarkan penilaian berasaskan prestasi dan mengurangkan 10 peratus Pengetua dan Guru Besar yang tidak mencapai sasaran kelayakan berkenaan.

Inisiatif lain termasuk mewujudkan sekolah asrama 1Malaysia dengan pelajar pelbagai kaum dan pemberian biasiswa kebangsaan mengikut merit untuk pengajian di universiti antarabangsa.

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati

Dalam konteks 1 Malaysia, Misi perpaduan kita bukan sekadar demi keharmonian dan hubungan baik semata-mata sebaliknya apa yang penting ialah pembinaan sebuah negara Malaysia yang produktif dan berdaya saing serta pencapaian Wawasan 2020.

Dalam memupuk kerajaan 1 Malaysia adalah dicadangkan supaya pernyataan bangsa dalam borang kerajaan dihapuskan kecauli untuk tujuan bancian dan perangkaan. Dalam pelan GTP juga dicadangkan supaya lebih ramai orang Cina dan India digalak menyertai perkhidmatan awam manakala pegawai Bumiputera yang berasal dari Sabah dan Sarawak akan dinaiktaraf.

Oleh yang demikian, jika kita ingin berada di hadapan keluk kemakmuran, maka kita harus berani dan tegas

bagi melaksanakan perubahan dan pembaharuan. Pengorbanan pula perlu untuk meningkatkan produktiviti, daya saing serta menguasai kemahiran baru. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan ini pelbagai program dan sistem yang kemaskini telah diperkenalkan seperti KMK, MS ISO, Budaya Kerja Cemerlang, 5S dan sebagainya. Kita mengharapkan semua program dan sistem yang diperkenalkan ini dilaksanakan dengan sepenuhnya dan bukan sekadar untuk didokumentasikan sahaja. Kita mahu melihat peningkatan dari segi produktiviti dan keberhasilannya. Sudah tentu semua yang dirancang ini dapat membantu kita melahirkan 'Good Governance' demi kesejahteraan semua.

Yang Berbahagia Datuk, Datu, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Semua hasrat dan cita-cita murni kerajaan seperti yang digarabkan di atas akan menjadi angan-angan kosong sekiranya tidak digerakkan oleh kita semua sebagai pelaksananya. Kita semua, disemua peringkat terutamanya ketua-ketua Jabatan harus menggerakkan mekanisme, jentera dan sumber yang ada di institusi kita bagi merealisasikan hasrat dan harapan ini. Sekiranya kita gagal melaksanakannya, rakyat akan mengukur kecekapan dan kebolehan kita dan kitalah yang akan memalapkan masa depan negara tercinta. Justeru, saya menyeru kepada semua ketua jabatan agar menggembelng tenaga bagi menjayakan wawasan kerajaan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada jawatankuasa yang telah menganjurkan perhimpunan ini khususnya Yang Berbahagia Datu Pengarah Pelajaran Sarawak dan Pengarah Institut

Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang kerana sudi menjadi tuan rumah bagi perhimpunan kita pada pagi ini.

Saya juga ingin mengucapkan selamat datang dan selamat bertugas kepada semua rakan-rakan Ketua Jabatan dan kakitangan lain yang mula bertugas di Sarawak pada tahun ini. Insyaallah kita juga akan berusaha supaya kebajikan di kalangan penjawat awam persekutuan di Sarawak terus diberi perhatian sewajarnya oleh pihak Kerajaan.

Sekian.

Wabillahitaufik walhidayah. Wasalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.